KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	14.02.22	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	TNB			

TNB komited pelihara paya bakau

PETALING JAYA: Stesen-stesen Janakuasa Tenaga Nasional Berhad (TNB) terus menunjukkan komitmen memelihara alam sekitar dengan mengekal dan menjaga ekosistem, khususnya paya bakau di sekitar kejiranannya.

Ia menjadi antara amanah utama anak syarikat penjanaannya, TNB Power Generation Sdn. Bhd. (TNB Genco) yang melaksanakan inisiatif itu bersama masyarakat setempat dengan usahasama Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS).

TNB dalam kenyataan memaklumkan, sebanyak 19,800 anak pokok bakau telah ditanam menerusi program pemulihan hutan bakau di Pasir Panjang, Kinta, Perak; Kampung Sungai Tiram serta Kampung Sungai Limau di Manjung, Perak sejak 2013 sehingga kini yang merupakan kejiranan Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah (SJSAS), Manjung, Perak.

"Jumlah itu adalah sebahagian daripada sejumlah 23,700 anak benih bakau yang ditanam TNB di negeri-negeri Semenanjung. Selain Perak, TNB turut menanam bakau di pesisiran pantai di Perlis, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan.

"Ia termasuk empat lokasi habitat kelip-kelip dipulihara oleh TNB di Kampung Kuantan di Kuala Selangor, Selangor; Kampung Dew di Taiping, Perak; Kampung Sungai Timun di Rembau, Negeri Sembilan dan Kampung Yak Yah di Kemaman, Terengganu," menurut kenyataan itu, semalam.

Tambah kenyataan, bermula Januari hingga Disember 2021, TNB Genco dengan kerjasama MNS telah menanam 1,167 batang anak pokok bakau di sepanjang pantai Stesen Janakuasa Tuanku Muhriz, Port Dickson, Negeri Sembilan meskipun berdepan dengan cabaran pandemik Covid-19.

"Inisiatif berterusan ini sejajar dengan komitmen TNB terhadap isu Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), sekali gus meningkatkan kepelbagaian spesies flora dan fauna serta menyediakan habitat baru untuk hidupan liar serta mencegah hakisan pantai dalam jangka masa panjang.

"Ia juga dijangka memberi manfaat kepada komuniti setempat dari segi pembangunan ekonomi baru melalui aktiviti eko-pelancongan sambil memperkayakan sumber hidupan marin, lantas berpotensi membantu pendapatan para nelayan," jelasnya.